

Tahun 7 Bilangan 2

Safar - Rabiulakhir 1424 April - Jun 2003

## Semoga Kita Terhindar Daripada **KEZALIMAN, JENAYAH DAN KEROSAKAN AKHLAK**


Oleh: Haji Mohidin bin Haji Mustapha

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa kita sekarang, sama ada menyedari ataupun tidak, sedang meratapi tamadun kemanusiaan yang pernah dibina oleh

Rasul dan Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Tamadun tersebut nampaknya sedang menuju zaman

(Bersambung ke muka 24)



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat menerima junjung ziarah pasukan yang mengambil bahagian di perhimpunan dan perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

**6** Haram Mewarna Rambut?

**10** Wearing Henna

**16** Bolehkah Berubat Dengan Benda Yang Najis?

**20** Matanya Buta Kerana Takut Kepada Allah

Suratberita ini mengandungi ayat-ayat al-Qur'an dan hadis-hadis Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam. Jagalah ia dengan sempurna

# YA ALLAH BERKATILAH NEGARA KAMI



Tahun 7 Bilangan 2

Safar - Rabiulakhir 1424 April - Jun 2003

**K**elahiran Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* ke dunia ini telah membawa rahmat yang kemudiannya telah menciptakan tamadun kemanusiaan yang tidak ternilai harganya. Walau bagaimanapun, setelah Baginda wafat dan pada zaman akhir-akhir ini, tamadun kemanusiaan yang pada suatu masa dahulu telah mencapai mercu keagungannya itu semakin hari kian menuju zaman kemundurannya. Satu demi satu fasa keagungannya hilang ditelan zaman.

Mengapakah terjadi demikian? Jawabnya kerana manusia semakin hari semakin menjauhkan diri daripada ajaran Islam yang dibawa oleh Baginda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Akibat menjauhkan diri daripada ajaran Islam itu, maka berlakulah fenomena dan gejala keruntuhan tamadun dan moral kemanusiaan. Di mana-mana berlaku bermacam-macam kezaliman, kekejaman, jenayah dan lain-lain perbuatan keji yang dilakukan oleh manusia terhadap sesama manusia. Semua ini adalah kerana sikap moral yang rendah yang suka menjauhi dan membenci agama. Malah mungkin ada yang ingin menghapuskan agama itu sendiri daripada kehidupan manusia di dunia ini.

Perlu diingat, bahawa apabila manusia menjauhi agama atau cuba membelakangkan Allah *Subhanahu wataala*, maka tunggalah kemurkaanNya. Kemurkaan Allah itu pula boleh berlaku dalam bentuk

bala atau wabak kepada sesuatu bangsa atau umat. Bala itu juga datang dalam bermacam-macam bentuknya seperti kemelesetan ekonomi, perang, taufan, gempa bumi, banjir besar, wabak penyakit yang tidak diketahui punca dan ubatnya dan lain-lain kejadian yang di luar kawalan manusia. Semuanya itu kadang-kadang berpunca daripada manusia sendiri.

Oleh kerana itu, dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menyambut dan memperingati Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang baru lalu telah menyeru umat Islam di negara ini supaya sama-sama mengambil iktibar dan pengajaran daripada fenomena yang berlaku dengan hasrat yang murni supaya negara kita dan segala isi di dalamnya akan sentiasa terhindar daripada bala bencana, mala petaka atau kemurkaan Allah.

Mengambil pengajaran dan iktibar yang bagaimakah yang dapat menghindarkan kita daripada kemurkaan Allah itu? Jawabnya tidak lain dan tidak bukan ialah dengan *bertaqarrub* atau menghampirkan diri kepada Allah, mengerjakan suruhan dan meninggalkan laranganNya.

Semoga negara kita akan sentiasa selamat dan diberkati oleh Allah. ■

## SIDANG PENGARANG

### KETUA PENGARANG

Dato Paduka Awang Ahmad Bukhari bin Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah, Pengarah Pentadbiran.

### PENOLONG KETUA PENGARANG

Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha  
Ketua Bahagian  
Penerbitan dan Penerangan

### PENGARANG

Awang Haji Japar bin Haji Maidin  
Awang Haji Alias bin Pengarah Haji Jaill  
Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Awang Haji Duraman bin Haji Kula  
Haji Mas Redhuan bin Haji Jumat  
Awang Haji Mohd. Nur Lubis bin Abdul Razak  
Dayang Hajah Sufiyah binti Haji Tuah  
Siti Aleviyah binti Haji Mohd. Zainal  
Pg. Ibrahim bin Pg. Hj. Bakar  
Haji Abu Qasim bin Haji Ismail

### URUSAN FOTO

Awang Haji Yakob bin Haji Metali  
Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Bakar

### PEMBAHAGIAN / PENGEDARAN

Pegawai-Pegawai dan Kakitangan,  
Jabatan Mufti Kerajaan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Negara Brunei Darussalam.

Terima Kasih  
atas ehsan Foto  
kepada:

Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

# AWAS! SUDAH ADA GOLONGAN YANG TIDAK MAHU MENGHORMATI NABI

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan mengingatkan umat Islam di negara ini agar berhati-hati terhadap golongan yang tidak mahu kita menghormati Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* terlalu tinggi.

Golongan ini mempersoalkan sanjungan dan penghormatan yang kita berikan kepada Baginda. Mereka beranggapan Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* itu adalah sama sahaja dengan kita manusia biasa. Ini hujah orang-orang yang menyuruh kita membuang zikir Dibaie dan Syarafil Anam, kerana zikir-zikir itu sangat memuliakan dan sangat memuji Nabi.

Perkara ini disentuh oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin dalam rancangan Bersama Mufti sempena memperingati hari keputeraan Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang telah dirakam di Darulifta Brunei Darussalam, pada hari Sabtu, 2 Rabiulawwal, 1424 bersamaan 3 Mei, 2003.

Menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin, adalah benar bahawa



*Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned Ketika menjawab pertanyaan semasa rakaman Bersama Mufti.*

kejadian Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* itu sama dengan kita manusia, tetapi pangkat dan kemuliaannya adalah tidak sama.

*"Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam adalah seorang yang berpangkat, bukan calang-calang pangkat, mengapa kita tidak mahu mengakuinya? Bukankah memuji Baginda di dalam selawat dan zikir itu bermakna menghormati Baginda? Mengapa kita tidak mahu sedangkan Allah dan malaikat lagi menghormati Baginda?"* Tegas Yang Dimuliakan

Lagi Dihormati Pehin.

Majlis pada malam itu dihadiri oleh penghulu, ketua kampung dan penduduk-penduduk kampung di bawah Mukim Berakas 'A', Tamoi dan Pengkalan Batu. Ia juga turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Sebelum majlis bermula, para hadirin telah menunaikan sembahyang fardhu Isya' berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Rancangan Bersama Mufti ini telah disiarkan melalui siaran Radio dan Televisyen Brunei sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* 1424 Hijriah.



*Sebahagian daripada penduduk kampung di bawah Mukim Berakas 'A', Tamoi, dan Pengkalan Batu ketika mendengar penjelasan Mufti Kerajaan dalam rancangan Bersama Mufti, yang dirakam di Darulifta, Brunei Darussalam.*

# Imam asy-Syafi‘e Radhiallahu ‘anhu

Oleh: Haji Mohd. Nur Lubis bin Haji Abd. Razak

(Siri Pertama)

**Menurut salasilah yang terdapat pada makam Imam asy-Syafi‘e di al-Qirafah, Kaherah, nama sebenarnya ialah Muhammad bin Idris bin al-‘Abbas bin ‘Utsman bin Syafi‘e bin as-Sa‘ib bin ‘Abd Yazid bin Hasyim bin al-Muthalib bin ‘Abd Manaf bin Qushay.**

**Keturunan beliau bertemu dengan keturunan Nabi Muhammad Sallallahu ‘alaihi wasallam pada datuk Baginda yang ke-4 bernama ‘Abd Manaf bin Qushay, yang menjadi datuk beliau yang ke-9.**

**Manakala ibu beliau bernama Fatimah binti Abdullah bin Hasan bin Husain bin Ali Radiallahu ‘anhuma.**

Imam asy-Syafi‘e adalah suku Quraisy asli dan sebangsa serta seketurunan dengan Nabi Muhammad Sallallahu ‘alaihi wasallam. Mengenai hal ini Ahmad bin Hanbal pernah berkata kepada putera Syafi‘e: “Aku mengasihimu kerana engkau berasal daripada suku Quraisy.”

Imam asy-Syafi‘e dilahirkan di Ghaza, Palestin pada tahun 150H., iaitu semasa ibu bapanya pergi ke sana dan bapanya meninggal dunia sebelum sempat pulang ke Makkah.

Sejarah mencatatkan bahawa:

- Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam pernah bersabda:

إِنَّ عَالَمَ قُرَيْشٍ يَمْلأُ طِبَاقَ الْأَرْضِ عِلْمًا  
(رواه أحمد)

**Maksudnya:** “Seorang alim daripada suku Quraisy, ilmunya akan memenuhi pelosok bumi.”

(Hadis riwayat Ahmad)

Imam Ahmad menta’wilkan bahawa hadis ini ditujukan kepada Imam Syafi‘e Radiallahu ‘anhu.

- Sewaktu beliau dalam kandungan, ibunya bermimpi sebutir bintang

keluar dari perutnya dan terus naik ke angkasa, kemudian bintang itu pecah berselerak dan menerangi kawasan sekelilingnya.

Ahli tafsir mimpikan menyebutkan bahawa kandungannya akan menjadi terkenal dan ilmu dan pendapatnya tersebar ke seluruh pelosok dunia.

- Pada hari beliau dilahirkan, dua ulama dan imam besar meninggal dunia, iaitu Abu Hanifah di Baghdad dan Ibnu Juraij di Makkah Radhiallahu ‘anhum.

Ulama menyebutkan bahawa kelahiran beliau seakan-akan mengganti kehilangan kedua-duanya.

## Di Makkah

Dalam usia 2 tahun beliau dibawa ibunya dari Ghaza ke ‘Asqalan yang jauhnya dari Baitulmaqdis enam batu, seterusnya ke kampung asalnya Makkah.

Ketibaan beliau di Makkah seakan-akan siri pulang ke gagang kerana asal keturunannya memang berasal dari Makkah.

Di kota suci inilah beliau menapak mencari ilmu. Ilmu yang mula-mula

dipelajarinya ialah ilmu al-Qur'an. Beliau hafaz al-Qur'an dalam usia belum cukup tujuh tahun. Beliau belajar membaca al-Qur'an daripada Isma'il bin Qustantin, Syeikh Qurra' penduduk Makkah. Bacaan ini bersambung dengan bacaan Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam menerusi Ubayy bin Ka'ab Radhiallahu 'anhu.

Kemudian beliau menghadiri majlis-majlis talaqqi ilmu, menghafaz hadis dan masalah-masalah yang berkaitan dengan hukum.

Selain itu beliau mencatatkan ilmu-ilmu yang didengarnya pada pelepas-pelepas kurma dan tulang-tulang binatang kerana ibunya tidak mampu membeli kertas. Apabila catatannya memenuhi ruang rumahnya, beliau mengambil inisiatif dengan menghafal kesemuanya dan membuang tulang-tulang itu.

Pada mulanya beliau cenderung kepada sastera Arab. Lalu beliau pergi ke kampung tempat tinggal kabilah Huzail. Di sinilah beliau belajar sastera Arab dan menghafal syair-syairnya. Beliau mempelajari sastera ini selama dua puluh tahun.

Tetapi kemudian beliau cenderung kepada ilmu fiqh. Ini bermula ketika beliau membacakan syair dan ditegur oleh seseorang bahawa perbuatannya itu boleh menghilangkan maruah dan lebih baik belajar fiqh.

Selepas itu beliau menumpukan perhatian sepenuhnya mempelajari fiqh dengan menghadiri talaqqi ilmu.

Beliau mula menghafal kitab-kitab fiqh dan hadis, termasuk kitab Muwaththa' susunan Imam Malik yang mengandungi lebih kurang lima ribu hadis dan telah diperakui oleh 70 orang ulama fiqh Madinah.

Hasil daripada kesungguhan beliau belajar dan menghafal ilmu, dalam usia yang masih muda beliau sudah diberi izin oleh gurunya, Muslim bin Khalid untuk memberikan fatwa.

## Di Madinah

Dengan berbekal azam memperdalam

ilmu, dalam usia tiga belas tahun beliau berangkat ke Madinah untuk belajar kepada Imam Malik. Beliau bercerita tentang pertemuan pertamanya dengan Imam Malik: "Aku telah menghafal kitab al-Muwattha' sebelum aku menemui Malik bin Anas. Manakala aku menemuinya, beliau berkata: "Aku akan mencarikan orang yang membacakan al-Muwattha' kepadamu". Aku berkata: "Tidakkah tuan ingin mendengar aku membacakannya? Jika tuan kagum terhadap bacaan ku tidaklah perlu mencari orang lain, tetapi jika bacaan ku tidak tuan suka, aku akan mencarinya sendiri. Lalu aku pun membacakan al-Muwattha' kepadanya."

Ketika di Madinah beliau sempat berkenalan dengan Abdullah bin al-Hakam dari Mesir.

### Di Iraq

Setelah 2 tahun di Madinah dan sebelum gurunya Imam Malik kembali ke *rahmatullah*, beliau berangkat ke Iraq dengan tujuan menambah ilmu. Sampai di Kufah beliau menemui dua sahabat Abu Hanifah; Abu Yusuf dan Muhammad bin Hasan. Hasil daripada pertemuan itu beliau dapatlah mengetahui selok-belok dan sistem Mazhab Hanafi yang jauh berbeza daripada Mazhab Maliki.

Beliau tidak lama di Iraq. Beliau meneruskan pengembaraan mencari ilmu ke Parsi, Turki dan Ramullah dengan menemui para *tâbi'în* dan ulama-ulamannya.

### Kembali Ke Madinah

Setelah mengembara selama 2 tahun, beliau kembali menemui gurunya Imam Malik di Madinah. Dengan melihat ilmu yang ada pada beliau, Imam Malik memberi izin kepada beliau memberikan fatwanya sendiri, yakni bukan atas sistem Mazhab Maliki atau Mazhab Hanafi.

Beliau bersama Imam Malik selama 7 tahun sehingga ke akhirnya Imam Malik meninggal dunia pada tahun 179 H.

### Di Yaman

Selepas gurunya wafat, beliau berangkat ke Yaman. Ini bermula apabila Gabenor Yaman yang menziarahi Madinah mendengar kepintaran dan kealiman

beliau. Gabenor ini melantiknya sebagai Setiausaha Negeri dan mufti Yaman.

Di Yaman beliau semakin terkenal dan ramai pengikut dan anak muridnya. Walaupun begitu, beliau masih belajar dengan ulama-ulama Yaman, seperti Matraf bin Mazin, Hisyam bin Yusuf, Umar bin Maslamah, Yahya bin Husain dan lain-lain.

Kemudian beliau dilantik lagi sebagai Ketua Daerah Najran. Di sini beliau sangat disayangi penduduk dan mendapat sokongan kuat daripada mereka.

Tetapi jawatan ini tidak sesuai dengan bakat beliau, dan meninggalkannya untuk membolehkannya berkecimpung sepenuhnya di bidang ilmu.

Sewaktu di Yaman dalam usia lebih kurang 30 tahun beliau berkahwin dengan Hamidah binti Nafi', keturunan Sayyidina Utsman bin Affan *Radhiallahu'anhu*. Hasil perkahwinan ini beliau mendapat tiga orang anak, seorang lelaki dan dua orang perempuan.

### Ditangkap

Beliau telah menjadi orang besar dan terkenal di Yaman. Selaku ulama, beliau sangat aktif menyebarkan ilmunya dengan mengajar di masjid-masjid dan di mana saja beliau diperlukan.

Kesan daripada kemasyhuran dan aktiviti ilmiah ini, beliau mula difitnah. Beliau dituduh mengembangkan fahaman Syi'ah. Tuduhan ini disampaikan kepada Khalifah Harun ar-Rasyid di Baghdad. Mendengar tuduhan ini, Khalifah murka dan menitahkan supaya beliau ditangkap.

Sudah sedia maklum, bahawa pemerintahan Khalifah Harun ar-Rasyid yang berasal daripada keturunan Umawiyah mendapat tentangan daripada keturunan Abbasiyah yang disokong kuat oleh golongan Syi'ah. Jadi golongan dan fahaman Syi'ah menjadi musuh utama pemerintahan Harun ar-Rasyid. Hukuman yang biasa mereka jalankan ke atas golongan ini ialah hukuman mati.

Beliau ditangkap dan dibawa ke Baghdad dengan dibelenggu kedua kakinya.

### Bebas

Dalam keadaan dibelenggu, beliau dibawa menghadap Khalifah.

Sebaik saja bertemu, beliau dengan tenang terus saja mengucapkan salam. Dengan nada yang kurang mesra Khalifah menjawab salam beliau. Kemudian Khalifah bertanya mengapa beliau berani bercakap (mengucap salam) di hadapan Khalifah tanpa izin. Dengan tenang beliau menjawab bahawa ucapan salam adalah *sunnah Nabi*.

Khalifah kagum dengan jawapan dan ketenangan beliau. Dialog antara Khalifah dengan beliau pun berjalan dengan lamanya. Tetapi jawapan yang diberikan beliau tetap saja dapat mematahkan hujjah Khalifah. Dialog berkisar di bidang ilmu al-Qur'an, hadis dan siasah.

Akhirnya beliau dibebaskan daripada tuduhan. Bahkan mengikut satu riwayat, Khalifah Harun ar-Rasyid sempat menangis mendengar jawapan beliau yang terakhir, dan berkata: "Datanglah bila-bila masa untuk mengajar saya."

### Ke Makkah

Setelah bebas, beliau kembali ke kampung halamannya Makkah al-Mukarramah sesudah meninggalkannya selama lebih kurang 11 tahun.

### Ke Iraq Kali Ketiga

Setelah mengembangkan ilmu di Makkah selama lebih kurang 17 tahun, beliau kembali semula ke Baghdad. Sampai di Baghdad beliau mendapati khalifah sudah berganti dan guru-gurunya sudah ramai yang meninggal dunia.

Kali ini beliau tidak lama di Baghdad, tetapi beliau menempah sejarahnya dengan mengasaskan mazhabnya sendiri yang kemudian dikenali dengan Mazhab Syafi'e.

Disambung pada keluaran yang akan datang.

# HARAM MEWARNA RAMBUT?

## SOALAN:

Pada masa ini telah banyak dijual jenis pewarna rambut yang bertanda halal. Akibat daripada tanda halal tersebut ada di kalangan orang Islam termasuk pelajar telah menggunakan bahan pewarna tersebut dengan tiada keraguan.

- (i) Setakat manakah kehalalan pemakaian bahan pewarna tersebut?
- (ii) Apakah ianya tidak menghalang sampainya air ketika mengangkat hadas?

Jawapan:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلٰوةُ  
وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهٖ  
وَصَاحِبِيهِ وَمَنْ تَبَعَهُ يٰيٰ اخْسَانٍ إِلٰى يَوْمِ  
الْدِينِ، وَبَعْدُ

Perkataan halal pada kebiasaannya adalah digunakan untuk barang makanan termasuklah sumber pendapatan sebagaimana yang biasa disebut iaitu rezeki yang halal. Adapun barang gunaan umpamanya pewarna rambut, minyak rambut dan barang-barang kosmetik, penggunaan perkataan halal itu tidak tepat. Jika tujuan penamaan label HALAL itu adalah untuk membolehkan orang Islam memakai atau menggunakannya, perkataan yang tepat ialah suci bererti tidak najis kerana kita dilarang menggunakan atau memakai barang-barang yang najis. Inilah pemakaian atau penggunaan yang patut diketahui oleh orang-orang Islam.

Rambut merupakan bahagian yang

wajib dibasuh ketika mandi junub atau mengangkat hadas kecil (wudhu). Ini bererti air yang bersih mesti sampai ke semua bahagian rambut termasuklah kulit kepala ketika mandi junub itu atau sebahagiannya ketika berwudhu. Jika ada sesuatu yang menghalang air untuk sampai membasahi rambut, maka tidaklah sah mandi hadas besar dan wudhu berkenaan. Sehubungan dengan itu ibadat-ibadat yang dilakukan seperti sembahyang menjadi tidak sah kerana hadas atau wudhunya itu tidak terangkat.

Dari itu sekiranya pewarna rambut itu sifatnya melekat atau melapis rambut, sekalipun ianya suci maka ia sudah pasti menghalang air untuk sampai ke rambut. Jika ini terjadi, maka mandi junub umpamanya dalam keadaan rambut diwarnakan dengan bahan tersebut adalah tidak sah dan ini akan menyebabkan ibadahnya seperti sembahyang tidak sah kerana hadasnya tidak terangkat.

Berbeza halnya, jika pewarna rambut itu tidak melekat di atas rambut seperti



*Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam*

sifatnya meresap sepetimana meresapnya inai (pacar) pada jari dan kuku. Ini tidak menghalang air daripada sampai ke bahagian yang wajib dibasuh.

Pada suatu masa dahulu pernah ditanya kepada Jabatan ini tentang pewarna rambut (*dye*) yang sifatnya menghalang air sampai ke rambut. Tentulah pewarna (*dye*) itu tidak boleh dipakai sekalipun ia suci atau menurut istilah setengah negara sebagai HALAL.

Selain daripada memerhatikan kepada aspek atau jenis pewarna yang digunakan untuk mewarnakan rambut itu sebagaimana yang telah dibincangkan di atas serta kesan pemakaianya yang boleh menyebabkan tidak sah ibadat yang dilakukan sekiranya ibadat tersebut disyaratkan melakukannya dalam keadaan *thahârah*, adalah penting untuk kita menilai sejauh manakah pandangan syara' tentang hukum mewarnakan rambut ini.

Mewarna rambut itu tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya dengan alasan bahawa pewarna yang digunakan itu adalah halal ataupun suci.

Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ الْيَهُودَ وَالْتَّصَارَى لَا يَصْبَغُونَ  
فَحَالْفُوْمُ

(Roaah Muslim)

**Maksudnya:** "Bahawasanya orang Yahudi dan Nasrani tidak mewarnakan (uban mereka) maka hendaklah kamu tidak menyerupai mereka."

(Hadis riwayat Muslim)

Ini diperkuatkan lagi dengan peristiwa ketika Abu Quhafah (ayah kepada Sayyidina Abu Bakar Radhiallahu 'anhu) dibawa ke hadapan Baginda pada hari pembukaan Makkah yang mana ketika itu rambut dan janggutnya dipenuhi dengan uban, maka Baginda bersabda:

غَيْرُوا هَذَا بِشَيْءٍ وَاجْتَبُوا السَّوَادَ

(Roaah Muslim)

**Maksudnya:** "Tukarkan (warna uban) ini dengan sesuatu dan jauhilah daripada (menggunakan) pewarna hitam."

(Hadis riwayat Muslim)

Berdasarkan hadis di atas para ulama berpendapat bahawa mewarnakan uban yang tumbuh pada rambut kepala adalah sunat sama ada lelaki atau perempuan. Warna yang disunatkan untuk digunakan pula ialah kuning atau merah kecuali warna hitam, kerana haram menggunakan pewarna hitam menurut pendapat *al-ashah*. Walau bagaimanapun harus mewarnakan

uban itu dengan pewarna hitam sekiranya bertujuan untuk menakutkan pihak musuh ketika berjihad.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh hadis di atas bahawa tujuan mewarnakan uban itu adalah untuk membezakan kebiasaan kaum Yahudi dan Nasrani yang mana mereka itu meninggalkan perbuatan mewarnakan uban.

Sementara itu pula rambut yang tidak beruban adalah sayugia ianya dikekalkan atau dibiarkan sepetimana aslinya. Ia tidak perlu diwarnakan kecuali jika ada sesuatu yang memerlukan ia diwarnakan umpamanya untuk tujuan perubatan.

Akan tetapi jika perbuatan mewarnakan itu dengan bentuk *ayu-gaya* sepetimana fesyen dan penampilan orang-orang kafir yang tidak sesuai dengan akhlak Islam sebagaimana yang kita saksikan menjadi ikutan oleh anak-anak Islam, maka perbuatan itu adalah haram sekalipun pewarna yang dipakai itu suci. Dengan melakukan perbuatan itu bererti mengikut budaya orang bukan Islam. Ini adalah perkara yang dilarang oleh hukum syaria' kerana larangan menyerupai mereka disebut oleh Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam dengan sabda Baginda:

مَنْ تَشَبَّهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

(Roaah Abu Daud)

**Maksudnya:** "Sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum maka dia adalah daripada golongan mereka."

(Hadis riwayat Abu Daud)

Menyerupai mereka dari sudut penampilan zahiriah sebagaimana yang dikatakan oleh Ibnu al-Qaiyim al-Jawziyyah merupakan satu jalan ke

arah menyerupai mereka dari segi maksud dan perbuatan. Ia juga sebenarnya timbul atas dasar suka dan menganggap ianya adalah satu perkara yang baik. Apabila seseorang itu menganggapnya satu kebaikan maka cenderunglah dirinya untuk melakukannya. Apabila dia sudah melakukannya buat pertama kali nescaya akan diulanginya untuk kali kedua dan seterusnya sehingga menjadi adat atau kebiasaan kepada dirinya. Dengan itu akan lenyaplah nilai-nilai Islam di dalam dirinya itu.

Dari itu perbuatan menyerupai orang-orang kafir itu adalah sangat ditegah sekalipun tanpa tujuan meniru perbuatan mereka itu, demi menjaga iman dan aqidah umat Islam daripada terjebak ke arah perkara yang membawa kufur. *Wal'iyyâdzubillah*.

Selain daripada itu mewarna rambut khususnya bagi wanita sudah tentu akan membawa kepada pendedahan aurat, kerana tujuan mewarnakan itu sendiri adalah untuk ditonton dan disaksikan. Jika yang menyaksikan itu *mahramnya*, maka tidaklah haram, tetapi jika bukan, yakni lelaki *ajnabi* (asing), maka perbuatan mendedahkan aurat di hadapan orang bukan *mahram* itu hukumnya adalah haram.

Berbalik kepada tanda atau logo halal pada barang gunaan, ia bukanlah suatu jaminan bahawa benda itu boleh dipakai, kerana penipuan boleh saja berlaku, bahkan telah pun banyak berlaku, di mana pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab menggunakan label halal semata-mata untuk mendapatkan kepercayaan pengguna.

Jika sifat pewarna rambut itu menghalang air sampai ke rambut, maka ia tidak boleh dipakai sekalipun

**(Bersambung ke muka 9)**

# Beri Salam Sebelum Masuk Rumah

## RUMAH BERKAT, DIBERI KECUKUPAN DAN TERHINDAR GANGGUAN SYAITAN

Oleh: Haji Mas Reduan bin Haji Jumat

**M**emberi atau mengucapkan salam (*assalâmu alaikum*) kepada seseorang Islam yang lain adalah perkara yang disunatkan oleh hukum syara'. Bahkan memberi salam itu diletak dan diperuntukkan sebagai hak seorang Islam kepada seorang Islam yang lain. Orang yang bakhil untuk mengucapkan salam boleh dianggap sebagai orang yang cuai dalam menunaikan hak tersebut.

Di antara masa yang disarankan untuk mengucapkan salam ialah ketika hendak masuk rumah, bukan sahaja ketika hendak masuk ke rumah orang lain bahkan juga ketika hendak masuk ke rumah sendiri. Perkara ini diperuntukkan dalam firman Allah Ta'ala:

فَإِذَا دَخَلْتُمْ بُيُوتًا فَسَلِّمُوا عَلَىٰ  
أَنفُسُكُمْ تَحْيَةً مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُبَرَّكَةً  
طَبِيعَةً

(سورة التور: ٦١)

**Tafsirnya:** "Maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah hendaklah kamu memberi salam kepada sesiapa yang seperti kamu dengan memohon kepada Allah cara hidup yang berkat lagi baik." (Surah an-Nûr: 61)

Menurut asy-Syeikh Nashr bin Muhammad bin Ibrahim as-Samarqandi di dalam kitabnya *Bustân al-Ârifin*, tuntutan memberi salam menerusi ayat di atas adalah merangkumi dua keadaan, iaitu sama ada memberi salam ke atas ahli keluarga yang tinggal di rumah berkenaan jika mereka ada di rumah pada ketika itu, ataupun memberi salam ke atas dirinya sendiri jika tidak ada orang di dalam rumah.

Bagaimana caranya memberi salam ke atas diri sendiri? Caranya ialah dengan mengucapkan:

السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ عِبَادِ اللَّهِ الصَّالِحِينَ

yang bermaksud: "Sejahteralah ke atas kami dan ke atas hamba-hamba Allah yang salih."

Amalan memberi salam ini walaupun zahirnya semacam perkara kecil saja tetapi

faedah atau fadhilatnya adalah besar dan hebat. Apakah fadhilat atau kelebihan memberi salam itu? Terdapat beberapa dalil syara' yang menerangkan kelebihan memberi salam, sama ada dalil yang menerangkan kelebihannya secara umum iaitu kelebihan memberi salam tanpa mengira masa-masa tertentu ataupun kelebihannya ketika hendak masuk rumah.

Dalil-dalil yang menyebutkan tentang kelebihan memberi salam secara umum itu di antaranya ialah sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam:

أَفْشُوا السَّلَامَ تَسْلِمُوا

(رواية ابن حبان في صحيحه)

**Maksudnya:** "Kamu ucapkanlah salam nescaya kamu selamat (atau tenteram)." (Hadis riwayat Ibnu Hibban)

Di dalam hadis yang lain Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ افْشُرُوا السَّلَامَ، وَأَطْعُمُوا  
الطَّعَامَ، وَصَلُّوْا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ  
ئَذْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ

(رواية الترمذى)

**Maksudnya:** "Wahai manusia! Kamu ucapkanlah salam, berilah makan dan dirikanlah sembahyang pada waktu malam sedang manusia ketika itu sedang tidur nescaya kamu akan masuk syurga dengan sejahtera."

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Di dalam hadis yang lain lagi Baginda Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ مِنْ مُوجَبَاتِ الْمَغْفِرَةِ : بَذْلُ السَّلَامِ  
وَحُسْنَ الْكَلَامِ

(رواية الطبراني)

**Maksudnya:** "Sesungguhnya di antara perkara yang boleh menyebabkan mendapat keampunan: Memberi salam dan baik percakapan."

(Hadis riwayat ath-Thabarani)

Sementara itu, dalil-dalil yang

menyebutkan secara khusus tentang kelebihan memberi salam sebelum masuk rumah di antaranya sebagaimana sabda Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam:

ثَلَاثَةٌ كُلُّهُمْ ضَامِنٌ عَلَى اللَّهِ، إِنْ عَاشَ  
كُفِّيًّا، وَإِنْ مَاتَ دَخَلَ الْجَنَّةَ: مَنْ دَخَلَ  
بَيْتَهُ بِسَلَامٍ، فَهُوَ ضَامِنٌ عَلَى اللَّهِ عَزَّ  
وَجَلَّ، وَمَنْ خَرَجَ إِلَى الْمَسْجِدِ فَهُوَ  
ضَامِنٌ عَلَى اللَّهِ، وَمَنْ خَرَجَ فِي سَبِيلِ  
اللَّهِ فَهُوَ ضَامِنٌ عَلَى اللَّهِ.

(رواه البخاري في الأدب المفرد)

**Maksudnya:** "Tiga golongan, semua mereka itu dijamin oleh Allah, jika dia hidup akan diberi kecukupan dan jika dia mati akan masuk syurga, iaitu: Sesiapa yang masuk rumahnya dengan memberi salam, maka dia dijamin oleh Allah 'Azza wa Jalla, sesiapa yang keluar pergi ke masjid, maka dia dijamin oleh Allah dan sesiapa yang keluar untuk pergi berjihad di jalan Allah, maka dia dijamin oleh Allah."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik, beliau berkata: "Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepadaaku:

يَا بُنْيَيْ إِذَا دَخَلْتَ عَلَىٰ أَهْلَكَ فَسَلِّمْ  
يَكْنُ بِرْكَةً عَلَيْكَ وَعَلَىٰ أَهْلِ بَيْتِكَ

(رواية الترمذى)

**Maksudnya:** "Wahai anakku! Apabila engkau masuk berjumpa ahli keluargamu berilah salam nescaya akan mendatangkan keberkatan ke atasmu dan ahli keluarga rumahmu."

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

Sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam:

السَّلَامُ اسْمٌ مِّنْ اسْمَاءِ اللَّهِ تَعَالَى وَضَعَةٌ  
فِي الْأَرْضِ ، فَاقْشُوْهُ يَنْكُمْ

(رواية البزار والطبراني)

**Maksudnya:** "As-Salâm itu adalah nama yang tergolong daripada nama-nama

Allah Ta'ala yang diletakkanNya di bumi, maka sebarkanlah nama Allah itu di antara kamu."

(Hadis riwayat al-Bazzar dan ath-Thabarani)

Berdasarkan hadis ini, *as-Salâm* (السلام) itu adalah di antara nama-nama Allah yang Maha Suci dan kita disuruh untuk menyebarkannya dengan menyebutnya. Bertolak daripada petunjuk hadis ini, maknanya memberi salam itu juga boleh disifatkan sebagai mengingati Allah. Apabila kita merujuk kepada kelebihan menyebut nama Allah sebelum masuk rumah, disebutkan bahawa rumah tersebut akan terhindar daripada syaitan. Ini jelas sebagaimana yang diriwayatkan daripada Jabir Radhiallahu 'anhu, beliau mendengar Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**إِذَا دَخَلَ الرَّجُلُ بَيْتَهُ فَذَكَرَ اللَّهَ عِنْدَ دُخُولِهِ وَعِنْدَ طَعَامِهِ قَالَ الشَّيْطَانُ: لَا مَيْتَ لَكُمْ وَلَا عَشَاءَ، وَإِذَا دَخَلَ فَلَمْ يَذْكُرْ اللَّهَ عِنْدَ دُخُولِهِ: قَالَ الشَّيْطَانُ**

#### (Dari muka 7)

ia suci. Walaupun ada tertera label halal atau suci, namun apa yang lebih selamat ialah meninggalkannya demi menyelamatkan diri daripada *syubhah*. Lagipun tidak jelas dari segi keperluan memakainya.

Menjauhi perkara *syubhah* atau samar-samar itu merupakan tuntutan syara'. Dengan menjauhinya akan terpeliharalah agama.

Sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*:

**دَعْ مَا يَرِيُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيُكَ**

(Roaqah at-Tirmidzi dan an-Nasa'i)

**Maksudnya:** "Tinggalkanlah barang yang meragukan engkau kepada apa yang tidak meragukan engkau."

(Hadis riwayat at-Tirmidzi dan an-Nasa'i)

Sabda Baginda lagi:

**أَذْكُرُمُ الْمَيْتَ، وَإِنْ لَمْ يَذْكُرْ اللَّهُ عِنْدَ طَعَامِهِ قَالَ الشَّيْطَانُ: أَذْكُرُمُ الْمَيْتَ وَالْعَشَاءَ**

(Roaqah at-Tirmidzi dalam al-Adab al-Mufrad)

**Maksudnya:** "Apabila seorang lelaki masuk ke rumahnya lalu dia mengingati Allah 'Azza wa Jalla ketika dia masuk rumah dan ketika makan, syaitan berkata (kepada suku-sakatnya): "Tidak ada tempat bermalam dan makan malam bagi kamu". Dan jika dia masuk tanpa mengingati Allah ketika dia masuk, syaitan berkata: "Bagi kamu ada tempat untuk bermalam". Jika dia tidak mengingati Allah ketika dia makan, syaitan berkata: "Bagi kamu ada tempat bermalam dan makan malam."

(Hadis riwayat al-Bukhari dalam kitab al-Adab al-Mufrad)

Berdasarkan beberapa hadis yang disebutkan tadi nyatalah kepada kita akan kehebatan fadhilat memberi salam khususnya memberi salam sebelum masuk

rumah. Dengan ucapan salam, rumah tangga akan diliputi keberkatan daripada Allah Ta'ala, diberi kecukupan dan terhindar daripada gangguan syaitan. Bila rumah mendapat berkat maka penghuninya akan hidup dalam keadaan tenang, tenteram dan rukun damai.

Selain itu, menurut penyelidikan dan pengalaman orang-orang yang beriman, selain diri kita manusia yang boleh dilihat dengan pandangan mata kasar ini, di dalam rumah kita kadang-kadang terdapat penghuni lain terdiri daripada makhluk Allah yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Dengan ucapan salam kadang-kadang terbukti mereka yang memusuhi kita boleh menjadi baik dan tidak mengganggu kita.

Inilah sebahagian daripada adab dan sopan santun dalam Islam yang wajar dijadikan amalan seharian dalam hidup kita. Adab dan sopan santun ini bukanlah terbit daripada hasil pemikiran, tetapi berpandu dan bersandarkan kepada wahyu Ilahi untuk membimbing kebahagiaan dan keharmonian hidup manusia bermasyarakat.

**إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنِ اتَّقَى الشَّهَابَاتِ فَقَدِ اسْتَبَرَ لِدِينِهِ وَعَرَضَهُ. وَمَنِ وَقَعَ فِي الشَّهَابَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ كَالرَّاعِي بِيَوْمِ حَوْلَ الْحَمَى يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ كُلَّ مَلَكٍ حَمِيًّا، أَلَا وَإِنَّ حَمَى اللَّهِ مَحَارِمٌ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْحَسَدِ مُضْطَعَةً إِذَا صَلَحَتْ صَلْحَةُ الْحَسَدِ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَّ الْحَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.**

(Roaqah at-Tirmidzi dan Muslim)

**Maksudnya:** "Sesungguhnya yang halal itu jelas dan yang haram juga jelas (terang) dan di antara keduanya terdapat perkara-perkara yang kesamaran, yang tidak diketahui oleh

kebanyakan manusia, maka sesiapa memelihara (dirinya daripada) segala yang kesamaran, sesungguhnya dia telah memelihara agama dan kehormatannya. Dan sesiapa yang jatuh ke dalam perkara kesamaran, jatuhlah dia ke dalam yang haram, seperti seorang pengembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan, hampir sangat (ternakannya) makan di dalamnya. Ketahuilah bahawa bagi tiap-tiap raja ada kawasan larangan. Ketahuilah bahawa larangan Allah ialah segala yang diharamkanNya. Ketahuilah, bahawa di dalam badan itu ada sekutul daging, apabila ia baik, baiklah seluruh badan, dan apabila ia rosak, rosaklah semuanya, ketahuilah, itulah dia hati."

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

**وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ**

# wearing HENNA

Oleh: Siti Alawiyah binti Haji Mohd. Zainal

Henna had been used and worn long before the advent of Islam. It yields an orange-red dye that has been used for centuries in the Middle East and East Asia for colouring the hair, finger-nails and soles of the feet. According to the Encyclopedia Britannica, henna leaves contain a substance that reacts directly with the keratin in human hair and skin to form the bright pigment.

What is the Islamic view on the above? The following are the opinions of some Muslim scholars on the ruling of wearing henna in Islam.

## Ruling on Wearing Henna for Women

The ruling on wearing henna for women is divided into three categories:

1. Without husbands (unmarried/widowed/husband on a journey).

If the woman does not have a husband it is *makrūh* (reprehensible) for her to wear henna without any particular health reasons. This is for fear of *fitna* (trial or affliction) arising against her or some other person due to her wearing of the henna. Therefore, women without husbands are not encouraged to wear henna on both of their hands and feet unless there is a need to do so with reasons acceptable to Shariah law.

It is *harām* (forbidden) for women to wear henna by sketching on their bodies, to use black henna, to wear henna only on the tips of their fingers and to colour their faces with henna leaves.

2. In the presence of husbands

It is *sunnah* (recommended) for a woman who has a husband to apply the henna at anytime because it is an adornment for her and it beautifies. It is also *sunnah* for the woman to adorn herself and to look nice for her husband at all times.

However, the *sunnah* ruling on the wearing of henna is subject to the husband's consent. Without his approval the ruling is *harām* even though the wife's intention was to adorn herself for him.

### 3. During 'Iddah

'Iddah refers to a period of waiting for a woman after the death of her husband or after her divorce.

It is *wājib* (obligatory) for a widow to hold *ihdād* (period of mourning) during her 'iddah (period of waiting) for four months and ten days, and during this period the woman should not re-marry, wear ornaments, coloured and ostentatious clothes, nor adorn herself with any kind of make-up or perfume.

A prophetic traditions has issued clear instructions on this matter:

عَنْ أُمِّ عَطَيَةَ قَالَتْ كُلَّا نُهَىٰ أَنْ تُحَدِّ  
عَلَىٰ مَيْتَ فَوْقَ ثَلَاثَ إِلَّا عَلَىٰ زَوْجٍ  
أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا وَلَا تَكْحِلَ وَلَا  
تَسْطِيبَ وَلَا تَلْبِسَ تَوْبِيًّا مَصْبُوًغاً

(رواية البخاري ومسلم)

**Meaning:** "From Ummu 'Athiyyah said: "We are prohibited from mourning for more than three days except for the death of our husband - that is for four months and ten days. During the period

of mourning we should not use eyeliner or perfumes and we should not wear colourful clothes."

(Hadith narrated by al-Bukhari and Muslim)

Included in the prohibition against adornment during *ihdād* is the wearing of henna.

It is *harām* for the woman to wear henna, be it from henna leaves or other sources, on the visible surfaces of her body, such as the face, both of her palms and feet.

However, it is permissible for her to wear henna on those parts of the body that are covered by clothes.

It is *harām* for a woman to apply black henna regardless of whether she has a husband or not. It is also *harām* for her to apply henna, or other coloured substances, on her face except after obtaining approval from her husband for the intention of beautifying herself for him.

## Wearing Henna For *Ihrām*

Imam Shafi'e said: "I encourage women to wear henna for *ihrām* (state of ritual purity and sanctity when performing *Umrah* and *Hajj*)."

"And our scholars have all agreed that wearing henna is *sunnah* for women who intend to perform *ihrām*."

Our scholars say: "Regardless of whether the woman has a husband or not, wearing henna is *sunnah* if the reason is to perform *ihrām*." Therefore, in this case, there is no difference between a woman with a husband and

one who is without.

When a woman, who has a husband, intends to perform *ihrâm*, it is *sunnah* for her to apply the henna but if the woman does not have a husband and she does not intend to perform *ihrâm* then it is *makrûh* for her to wear the henna without any particular health reasons.

Our scholars have reached a consensus on all of these issues including that it is *sunnah* for old and young women to wear the henna when they are about to perform *ihrâm*.

Our scholars say: "When these women wear the henna, they should stain both hands but only up to the wrists, that is the part of their hands that is normally exposed."

The scholars also say: "These women can apply henna on the whole of their palms but they are not to stain only the tips of their fingers, nor sketch it (the henna) on or make it black."

They add: "It is *sunnah* for women to apply a little henna on their faces before *ihrâm*."

Imam Shafî'e said: "The wisdom behind applying a little henna on the face and palms of the hands is that it veils the colour of the skin. During *ihrâm*, women are told to expose their faces and sometimes the palms get exposed too."

Our scholars say: "Since henna is part of a woman's adornment, it is *sunnah* that it be worn when they are about to perform *ihrâm*; it's like wearing perfume and combing the hair."

The recommended way of wearing henna in Islam is to apply it on the

whole palm, from the fingers to the wrist. For the feet, it is *sunnah* to apply henna on the whole sole.

It is insufficient to wear henna by only applying it to the tips of the fingers and by drawing certain designs or sketches.

### **Women Applying Henna After Entering Into Ihram**

Muslim scholars say: "It is *makrûh* for women to apply the henna after entering into *ihrâm* because henna is considered an adornment."

Applying henna while in *ihrâm* is *makrûh* for women because to be in a dishevelled state is expected during *ihrâm*.

However, Muslim scholars have concluded that when a woman wears henna during *ihrâm*, she does not need to pay *fidyah* as, in their opinion, henna is not perfume.

### **Ruling on Wearing Henna for Men**

The rules on men wearing henna are as follows:

#### *1. Harâm (Forbidden)*

It is *harâm* for men to apply henna, from henna leaves and so on, onto both hands and feet except for critical medical conditions. Imam Shafî'e and his *ashâb* (companions) have pronounced, based on the *hadith* (prophetic traditions) narrated by Imam Abu Daud from Salma, *khadim* (servant) of Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* who has said: "No one complained to Rasulullah about an ailment that he did not tell them to blood-let (using heated glass) and no one complained of sore feet (broken skin) that he did not tell them to apply henna."

#### *2. Sunnah (recommended)*

It is *sunnah* to apply henna from the leaves or in some other form to white hair and beard. The colours allowed are red or yellow but not black as black is *harâm*. Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* encouraged grey hair and beard to be stained yellow or red but prohibited both from being coloured black. Ibnu 'Umar, Abu Rimthah and Ibnu 'Abbas narrated: "Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* explained: "Yellow is the best colour."

### **Evidence of Prohibition Against Applying Black Henna**

Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* himself dyed his beard yellow. The wisdom in forbidding white hair and beard from being dyed black is so that (it becomes clear that) the conduct of the Jews and the Christians is reproached.

In several *ahadith* Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* has encouraged the dyeing of white hair and beard yellow and red but prohibited colouring them black. In fact he has given a warning to those who use black. He says:

يَكُونُ قَوْمٌ يَخْضُبُونَ فِي آخِرِ الزَّمَانِ  
بِالسُّوَادِ كَحَوَّاصِلِ الْحَمَامِ لَا يَرْجُونَ  
رَائحةَ الْجَنَّةِ


(رواه أبو داود)

**Meaning:** "At the end of time there will be a group of people who will dye (their hair) black like the black chest of doves, they will not even smell the fragrance of paradise."

(*Hadith narrated by Abu Daud and others*)

As mentioned in another *hadith*, the fragrance of paradise can reach a distance of five hundred years.

Allah Knows Best.



# JMK Sertai Pesta Buku Antarabangsa KUALA LUMPUR 2003

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, menyertai lagi Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra bermula 23 Mei - 1 Jun 2003.

Pesta Buku ini dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, pada hari Sabtu, 22 Rabiulawwal, 1424 bersamaan 24 Mei, 2003.

Penyertaan Jabatan Mufti Kerajaan kali ini merupakan penyertaan kali ke tiga. Sebanyak lebih 20 judul buku telah dipamerkan dan dijual kepada orang ramai, termasuk 5 judul buku terbaru yang mendapat sambutan di luar jangkaan.

Menurut pihak pengajur, hampir 130 peserta dari dalam dan luar negeri telah mengambil bahagian di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2003 ini. Selain Negara Brunei Darussalam, turut mengambil bahagian ialah Singapura, Thailand, Filipina, Indonesia, Mesir, Arab Saudi, China

*Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin ketika mengunjungi gerai Jabatan Mufti Kerajaan, selepas majlis perasmian.*



dan Vietnam. Lebih 400 buah gerai yang disediakan oleh pihak pengajur telah habis ditempah sejak penghujung tahun 2002 lagi dan terpaksa menolak sebahagian peserta yang ingin menyertainya.

Menyorot sejarah perkembangan Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur ini, ia bermula pada tahun 1982. Pada tahun 1991 ia telah dinaikkan ke taraf antarabangsa dan dibukakan kepada

pengusaha buku luar negara. Pada tahun 1994 namanya diubah kepada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur.

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan badan-badan dalam industri buku, memilih tema Menakluki Dunia Melalui Pembacaan.



Buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri mendapat sambutan yang amat menggalakkan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2003.



# Pesta Buku Brunei 2003


Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

Dalam usaha untuk menyebarkan ilmu dan maklumat, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri sekali lagi menyertai Pesta Buku Brunei 2003.

Pesta buku tersebut telah diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas bermula 30 Safar – 9 Rabiulawal, 1424 bersamaan 2 – 11 Mei, 2003. Ianya dirasmikan oleh Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada hari Jumaat 30 Safar, 1424 bersamaan 2 Mei, 2003.

Berbagai aktiviti telah diadakan sempena Pesta Buku ini. Ia merupakan projek tahunan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang antara lain bertujuan untuk menggerakkan budaya membaca, mengembang serta meningkatkan minda melalui pembacaan bagi melahirkan generasi yang lebih berilmu pengetahuan.

Menurut Ketua Bahagian Penerbitan dan Penerangan Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Mohidin bin Haji Mustapha, sebanyak 3 judul



buku baru telah dipromosi dan dijual semasa pesta buku tersebut di samping buku-buku terbitan yang sedia ada. Ketiga-tiga buku tersebut, iaitu Fatwa Mufti Kerajaan 2001, Irsyad Hukum 2001 dan 100 Keistimewaan Malam dan Hari Jumaat mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Pesta Buku Brunei 2004 akan diadakan sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ke 20, tahun hadapan. Perkara ini dijelaskan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan

Dato Paduka Haji Dani  
bin Haji Ibrahim, Setiausaha  
Tetap Kementerian Kebudayaan,  
Belia dan Sukan ketika mengunjungi Gera  
Jabatan Mufti Kerajaan, selepas merasmikan  
Pesta Buku Brunei 2003.

Pustaka, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd Yassin di Majlis Penutup Pesta Buku Brunei 2003 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 9 Rabiulawal, 1424 bersamaan 10 Mei, 2003.

## Jualan Promosi

Selain menyertai pesta-pesta buku di dalam dan luar negeri, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri juga mengadakan berbagai promosi dalam usaha menjual buku-buku terbitannya. Buku-buku dijual dengan diberikan potongan harga yang menarik dengan tujuan supaya umat Islam di negara ini dapat memilki buku-buku Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum.

Sempena dengan Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* tahun 1424 Hijriah, Jualan

Promosi telah diadakan pada 12 Rabiulawal, 1424 bersamaan 14 Mei, 2003 di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien dan pada 20 Rabiulawal, 1424 bersamaan 22 Mei, 2003 diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa sempena Majlis Perhimpunan Wanita.



Sebahagian daripada pegawai yang bertugas mengendalikan promosi jualan buku di Pusat Persidangan Antarabangsa sempena Perhimpunan Wanita sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

# Wanita dan Kerjaya

Oleh: Hajah Safiyah  
Binti Haji Tuah

**M**atlamat utama kehidupan kita di dunia ialah untuk memperolehi kebahagiaan di dunia dan akhirat. Namun kehidupan akhirat itu hendaklah lebih diutamakan.

Untuk mencapai kesejahteraan hidup di akhirat, corak kehidupan di dunia ini mestilah berjalan di atas landasan hukum syari 'at Allah iaitu ajaran Islam.

Dengan demikian apapun usaha, tingkah laku dan budaya yang hendak kita amalkan mestilah menurut ketetapan syari 'at Islam termasuklah dalam memilih dan menyusun organisasi sesuatu pekerjaan.

Bagi kaum wanita tugas pertama dan utama, yang tidak ada pertikaian mengenainya ialah mengasuh dan mendidik generasi (anak) sesuai dengan fitrah yang dikurniakan Allah *Subhanahu Wata'ala* secara fizikal dan spiritual. Tugas dan tanggungjawab yang besar dan mulia ini perlu diutamakan dan tidak wajar dinafikan dengan kerja-kerja kebendaan.

Dalam mengendalikan tugas tersebut tidak seorang lelaki pun yang dapat mengambil alih tempat seorang wanita seperti tugas menyusukan anak. Peranan ini juga menggambarkan bahawa masa depan sesuatu ummah itu lebih banyak bergantung kepada corak asuhan dan didikan awal kaum wanita terutama dalam melahirkan manusia yang berguna.

Selain itu tugas dan tanggungjawab kaum wanita juga ialah menjaga dan memelihara rumahnya, membahagiakan suaminya, membentuk keluarga bahagia dengan berasaskan harmoni, kasih sayang dan rahmat. Firman Allah Ta'ala:

وَمِنْ أَيْتَتْهُمْ أَنْ خَلَقَ لَكُمْ مِنْ أَنفُسِكُمْ  
أَزْوَاجًا لِتَسْكُنُوا إِلَيْهَا وَجَعَلَ بَيْتَكُمْ  
مَوْرِدًا وَرَحْمَةً

**Tafsirnya:** "Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan dan rahmatNya, bahawa Dia menciptakan untuk kamu ( wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya dan dijadikanNya di antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan."

(Surah ar-Rūm:21)

Adapun tugas mencari nafkah untuk menyara ahli keluarga itu wajib ditanggung oleh kaum lelaki terutama orang yang menjadi ketua keluarga seperti bapa atau suami. Firman Allah *Subhanahu Wata'ala*:

أَلْرَجَالُ قَوْمُونَ عَلَى الْنِسَاءِ بِمَا  
فَضَلَّ اللَّهُ بِعَضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا  
أَنْفَقُوا مِنْ أَنْوَالِهِمْ

**Tafsirnya:** "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana itu Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian daripada harta mereka."

(Surah an-Nisā' : 34)

Ini bererti kaum wanita tidak dipertanggungjawabkan untuk menyara hidup ahli keluarganya.

Keterangan di atas menunjukkan bahawa tugas utama seorang wanita itu ialah mengurus rumah tangganya sebagaimana firman Allah Ta'ala :

وَقَرَنَ فِي بَيْوَتِكُنْ

**Tafsirnya:** "Dan hendaklah kamu tetap di rumahmu."

(Surah al-Ahzāb:33)

Walau bagaimanapun, tidaklah ia bermaksud atau memberi pengertian bahawa wanita yang berkerja di luar rumah itu haram hukumnya menurut syara' secara mutlak kerana tidak ada nash syara' yang sabit mengenainya.

Pada dasarnya wanita diharuskan bekerja di luar rumah. Bahkan ada kalanya tuntutan bekerja itu perlu, kalau pun tidak wajib jika keadaan mengkehendakinya, seperti mencari nafkah bagi janda atau perempuan yang ditalak dalam keadaan tidak ada sumber nafkah atau kekayaan dan keluarga yang boleh menampung keperluan mereka. Dalam keadaan sedemikian bekerja di luar rumah itu adalah lebih baik baginya daripada hidup merempat meminta-minta dan mengharapkan belas kasihan orang, selama mana kerja tersebut tidak mencemarkan kemuliaan diri dan agama.

Ada kalanya juga keluarga seseorang perempuan itu memerlukannya bekerja kerana tidak ada tempat lain untuk berharap seperti membantu suaminya yang uzur untuk memenuhi keperluan ahli keluarganya yang masih kecil atau membantu bapanya yang sudah tua. Sebagai contoh ialah seperti kisah Nabi Syu'aib 'Alaihissalatu wasalam yang mempunyai dua orang anak perempuan yang diceritakan oleh al-Qur'an dalam surah al-Qashash ayat 23, yang mana kedua-dua anak perempuan itu mengambil alih tugas bapa mereka sebagai pengembala kambing.

Ada kalanya pula kerjaya itu khusus dilakukan oleh kaum wanita terutama kerja-kerja kemasyarakatan seperti doktor sakit puan, jururawat, bidan dan sebagainya.

Sebenarnya keharusan kaum wanita menjawat sesuatu pekerjaan itu adalah tertakluk kepada bentuk tugas yang akan dilakukan. Terdapat beberapa syarat yang mesti diambil kira dalam menilai

kesesuaian kerjaya seorang wanita menurut hukum syara'. Antaranya ialah:

- i) Perkerjaan itu tidak menjurus kepada perlanggaran hukum syara'. Sebagai contoh kerjanya itu menghendaki wanita itu melakukannya bersama-sama dengan kaum lelaki di tempat yang sunyi lagi terasing daripada orang lain umpamanya kerja itu dilakukan oleh seorang lelaki dan perempuan dalam satu bilik. Tugas tersebut jelas bertentangan dengan prinsip Islam sebagaimana yang digariskan oleh Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dalam sabdanya:

لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِإِنْسَانَةٍ

(رواه البخاري)

**Maksudnya:** " Hendaklah jangan seorang lelaki itu bersunyi-sunyi dengan seorang perempuan."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

- ii) Pekerjaan itu tidak menghendaknya belseyur keluar negara bersendirian tanpa ditemani oleh suaminya, *mahramnya* atau sekumpulan perempuan yang diyakini amanah dan dapat mengawal kesejahteraannya serta mengelakkannya daripada perkara-perkara mungkar, sebagaimana sabda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* :

لَا تُسَافِرِ الْمَرْأَةُ إِلَّا مَعَ ذِي مَحْرَمٍ

(رواه البخاري)

**Maksudnya:** " Janganlah seseorang perempuan itu melakukan pelayaran kecuali bersama *mahramnya*."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

- iii) Pekerjaan itu tidak akan menyebabkan seorang wanita itu mendedahkan auratnya. Menurut Islam apabila wanita itu keluar rumah hendaklah menutup aurat serta memenuhi adab-adab Islam seperti firman Allah *Subhanahu Wata'ala*:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ

وَخَفْظُنَ فُرُوجَهُنَ وَلَا تَبْدِيلَ  
زِينَتِهِنَ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

**Tafsirnya:** " Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan-perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya."

(Surah an-Nur : 31)

- iv) Pekerjaan itu mestilah sesuai dengan kemampuan fizikal dan naluri / fitrah semula jadi kewanitaannya. Tugas-tugas yang lasak adalah tidak sesuai dengan wanita kerana fitrah semula jadi mereka adalah lemah lembut sekalipun kerja-kerja lasak itu dianggap oleh orang yang tidak beragama sebagai kerjaya yang mencabar dan mampu menampakkan kegagahan, daya saing dan kehandalan.

- v) Bagi wanita yang bersuami pula pekerjaan itu hendaklah mendapat restu dan izin daripada suaminya iaitu apabila tugas tersebut menghendaknya keluar rumah. Suami berhak menghalangnya daripada bekerja sekiranya kerja itu boleh menyebabkan seorang isteri itu cuai pada menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang isteri. Suami lebih berhak menegah isterinya bekerja sekiranya pekerjaan itu mengundang kepada fitnah atau boleh berlaku fitnah, seperti pekerjaan yang tiada batasan agama atau adab sopan di dalam bentuk campur gaul yang bebas di antara lelaki dan perempuan, sama ada ianya berlaku di daratan, lautan atau di mana-mana saja. Jika terdapat unsur-unsur begini, atau *ghalib zhan* fitnah itu mungkin berlaku, maka suami wajib menegahnya. Jika tidak, suami itu akan dianggap dayus, sedangkan orang dayus tidak akan mencium bau syurga.

Manakala bagi wanita yang belum

bersuami pula dikehendaki meminta izin dan kebenaran daripada walinya.

Menurut pendapat bekas Syeikh al-Azhar, al-Allamah al-'Alim al-Imam Abdul Halim Mahmud *Rahimahullah* di dalam fatwanya berkaitan wanita bekerja di luar rumah, antara lain beliau berkata:

" *Mana-mana wanita tidak ditegah bekerja di luar rumahnya apabila dia terpaksa berbuat demikian. Akan tetapi apabila wanita berkenaan telah mendapat limpah kurnia rezeki yang cukup daripada Allah, maka rumah, mengasuh anak-anak dan berusaha memberikan kebahagiaan kepada keluarga adalah lebih baik untuk sepanjang masa.....*"

Perlu diingat, walaupun mempunyai pekerjaan, namun tugas dan tanggungjawab utama sebagai seorang suri rumah tangga jangan sekali-kali diabaikan. Jangan nanti disebabkan penat atau letih bekerja dijadikan alasan untuk tidak dapat melaksanakan kerja-kerja rumah dan memberi perhatian atau melayani suami dan anak-anak. Perkara ini hendaklah dihindari daripada berlaku.

Demikianlah serba sedikit mengenai hukum wanita dan kerjaya yang dipetik daripada fatwa Mufti Kerajaan Siri 21/2001 untuk ingatan bersama khususnya kita sebagai wanita hari ini yang mempunyai pelbagai kerjaya. Semoga ianya akan dapat dimanfaatkan dan membantu kita dalam menjalani kehidupan seharian berlandaskan hukum-hukum yang telah digariskan syara'.

Seandainya ada di kalangan kita yang telah tersilap langkah dalam memilih sesuatu kerjaya yang disebabkan oleh gaji yang lumayan dan keistimewaan yang banyak, sehingga perkara hukum kita abaikan, rasanya masih belum terlambat untuk balik ke pangkal jalan. Apa yang penting ialah ada usaha dan kemauhan untuk memperbetulkan diri daripada kesilapan atau mungkin disebabkan kejahilan diri.

# Bolehkah BERUBAT Dengan BENDA YANG NAJIS?

Diolah semula oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**B**erubat untuk menghilangkan penyakit itu adalah perkara yang digalakkan pada hukum syara'. Bahkan ia boleh menjadi ibadah jika dilakukan dengan niat yang baik, seperti bertujuan untuk melaksanakan tuntutan syara' dan bagi memulihkan kesihatan tubuh badan agar dapat beribadat dan meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wata'ala dengan lebih sempurna.

Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam sendiri pernah berubat dan menyuruh umatnya berubat. Dalam sebuah hadis, daripada Usamah bin Syuraik menjelaskan bahawa sekolongan orang Arab pernah bertanya kepada Nabi Sallallahu 'alaihi wasallam, yang maksudnya: "Wahai Rasulullah adakah kami boleh berubat?" Baginda menjawab: "Berubatlah kamu, kerana Allah 'Azza wa Jalla tidak menjadikan penyakit melainkan Dia menjadikan ubatnya, kecuali satu jenis penyakit, iaitu sakit tua."

(Hadis riwayat Abu Daud)

Dalam hadis yang lain pula, daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhу, bersabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam:

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شَفَاءً

(Rواه البخاري)

**Maksudnya:** "Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penyembuh."

(Hadis riwayat al-Bukhari)

Walaupun berubat itu digalakkan dalam Islam, namun persoalannya ialah: Bagaimanakah cara berubat yang dibenarkan oleh hukum syara'?

## Cara Berubat

Pada dasarnya ubat atau penawar yang dianjurkan untuk dipakai mestilah ubat-ubatan yang halal, suci, bukan yang diharamkan dan dapat diterima oleh naluri pesakit.

Setengah ulama berpendapat berubat dengan benda yang haram itu tidak dibenarkan, bahkan ia diharamkan kecuali dalam keadaan darurat. Ini jelas bersandarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu ad-Darda' bahawa Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالدُّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ

دَاءَ دَوَاءً ، فَتَذَوَّوْا وَلَا تَذَوَّوْا بِحَرَامٍ

(Rواه أبو داود)

**Maksudnya:** "Sesungguhnya Allah telah menurunkan penyakit dan ubat, dan dijadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya, maka berubatlah kamu, dan jangan kamu berubat dengan yang diharamkan."

(Hadis riwayat Abu Daud)

Manakala dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah, beliau berkata:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

عَنِ الدُّوَاءِ الْخَبِيثِ

(Rواه أبو داود وأحمد)

**Maksudnya:** "Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam melarang daripada ubat yang kotor."

(Hadis riwayat Abu Daud dan Ahmad)

Berdasarkan hadis-hadis ini, jika penyakit seseorang itu masih dalam peringkat biasa yang tidak membahayakan, maka sesetengah ulama berkata bahawa adalah tidak harus yakni haram berubat dengan benda-benda najis itu.

Adapun sudut rahsia atau hikmat ia diharamkan, mengikut para ulama Islam, najis itu menjijikkan dan tidak disukai oleh akal dan naluri. Jadi ia tidak layak dipakai atau dijadikan untuk penawar penyakit.

Ibnu al-Qayyim Rahimahullah menerangkan lebih jelas lagi rahsia ini. Menurutnya, antara syarat boleh mendapat kesembuhan menerusi sesuatu ubat itu ialah jika terdapat sikap menerima (suka) kepada ubat berkenaan, dan ada keyakinan terhadap khasiat (manfaatnya), di samping percaya bahawa padanya ada keberkatan yang dijadikan oleh Allah Subhanahu wata'ala.

## Berubat Dengan Benda-Benda Najis Ketika Darurat

Tidak dinafikan, ada juga antara penyakit itu yang sukar ditemui ubatnya. Sebahagiannya pula boleh disembuhkan dengan menggunakan ubat-ubatan daripada benda-benda najis iaitu berdasarkan pengalaman orang-orang terdahulu.

Oleh kerana itu, menurut pendapat yang *ashah* dalam mazhab Syafi'e, adalah harus berubat dengan segala benda najis, kecuali yang memabukkan, dengan alasan bahawa

berubat itu merupakan perkara darurat. Sedangkan darurat itu mengharuskan kita mengambil apa yang ditegah, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala:

وَقَدْ قَضَلَ لَكُمْ مَا حَرَمَ عَلَيْكُمْ إِلَّا مَا أَضْطَرَ رِثْمَ إِلَيْهِ

(Surah al-An'am : 119)

**Tafsirnya:** "Dan sesungguhnya Allah telah menerangkan kepada kamu satu persatu apa yang diharamkanNya atas kamu, kecuali yang terpaksa kamu memakannya."

(Surah al-An'am: 119)

Berdasarkan ayat tersebut dan ayat-ayat seumpamanya, maka para ulama telah menggariskan kaedah:

الصُّرُورَاتُ تُبَيِّنُ الْمَحْظُورَاتِ

**Ertinya:** "Keadaan-keadaan darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang dilarang."

Walau bagaimanapun, penggunaan najis sebagai ubat itu masih juga terikat dengan tidak melampaui batas, sebagaimana firman Allah Subhanahu wata'ala:

فَمَنِ اضْطَرَرَ فِي مَخْمَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ  
لَا ثُمَّ قَاتَ اللَّهُ عَفْوُرْ رَحِيمٌ

(Surah al-Mâ'idah : 3)

**Tafsirnya:** "Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang dia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah dia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi."

(Surah al-Mâ'idah: 3)

Imam an-Nawawi Rahimahullah juga berpendapat bahawa harus berubat dengan najis selain arak. Hukum keharusan berubat itu sama sahaja bagi semua najis melainkan yang memabukkan. Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Anas Radhiallahu 'anhу yang bermaksud: "Bahaha serombongan suku 'Ukal seramai lapan orang datang menemui Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam, lalu mereka berikrar kepada Nabi untuk masuk Islam.

# ANAK-ANAK

## wajib didisiplinkan cintai **RASULULLAH** *Sallallahu 'alaihi wasallam*

Oleh : Haji Yakob bin Haji Metali

Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, menekankan bahawa bukan hanya orang dewasa seperti ibu bapa saja yang didisiplinkan untuk mencintai Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*, malah yang penting ialah anak-anak umat Islam juga wajib didisiplinkan untuk mencintai Baginda, keluarga Baginda dan kitab suci al-Qur'an.

Menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin, perkara ini terkandung dalam hadis Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang patut dijadikan ikutan dan panduan bagi kebaikan umat Islam.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin berucap demikian di Majlis Sambutan Maulidur Rasul bagi Universiti Brunei Darussalam yang dikendalikan oleh Majlis Takmir Masjid Universiti Brunei Darussalam dan diadakan di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam, pada hari Selasa 18 Rabiulawal, 1423 bersamaan 20 Mei, 2003.

Menurut Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin, terdapat banyak cara bagi mendisiplinkan kanak-kanak atau ummah



Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, dan Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned ketika hadir di Majlis Sambutan Maulidur Rasul di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam.

untuk mencintai Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Selain melalui pendidikan ialah dengan mengajarkan kepada anak-anak *sirah Rasulullah*, isi al-Qur'an yang dibawanya, ajaran agama, ajaran akhlak Rasulullah, kenalkan keluarga, sahabat-sahabat dan hayati sunnah-sunnah Baginda.

Terdahulu daripada itu, Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Awang Haji Ismail bin Haji Duraman turut

berucap di majlis tersebut. Selain itu majlis juga diserikan dengan persembahan berzanji dan deklamasi puisi Islam oleh mahasiswa-mahasiswa Universiti Brunei Darussalam.

Turut hadir di Majlis Sambutan Maulidur Rasul itu ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar.

### (Dari muka 16)

Kemudian cuaca kota Madinah merimaskan mereka dan mengakibatkan tubuh badan mereka sakit-sakit, lalu mereka mengadukan hal itu kepada Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Baginda bersabda kepada mereka: "Barangkali elok kamu pergi bersama tukang gembala kami kepada untanya, kemudian kamu dapatkan air kencing dan susunya." Mereka menjawab: "Baiklah." Mereka pun pergi dan meminum susu dan kencing unta itu, setelah itu mereka pun sihat. Tetapi kemudian mereka membunuh tukang gembala Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* itu dan merampas unta-untanya."

(Hadis riwayat Bukhari)

Walau bagaimanapun, Imam an-Nawawi ada menyebutkan lagi daripada pendapat lain, bahawa keharusan berubat dengan najis itu hanyalah dibolehkan apabila tidak ditemui ubat yang suci yang boleh menggantikannya. Jika ada ubat yang suci, maka haramlah berubat dengan najis tersebut sebagaimana al-'Izz bin Abdussalam *Rahimahullah* berkata yang erti: "Harus berubat dengan najis apabila tidak ada ubat yang suci yang boleh menggantikannya, kerana maslahat kesihatan dan kesejahteraan itu lebih sempurna berbanding dengan maslahat menjauhi najis. Dan tidak harus berubat dengan arak mengikut pendapat yang *ashah*."

Oleh yang demikian, berdasarkan penjelasan yang disebutkan di atas, dapatlah disimpulkan bahawa berubat untuk menyembuhkan penyakit itu adalah perkara yang digalakkan dalam Islam. Ubat-ubatan yang digunakan hendaklah daripada benda-benda yang halal dan suci. Di samping itu, harus berubat dengan benda-benda yang najis selain sesuatu yang memabukkan jika tidak ada ubat lain yang suci sebagai pengantinya.

Dipetik daripada buku Irsyad Hukum tahun 2001

## DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM TERIMA KUNJUNGAN

Oleh: Haji Yakob bin Haji Metali

**D**arulifta Brunei Darussalam tidak henti-hentinya menerima kunjungan pelawat sama ada dari dalam maupun luar negeri, yang bertujuan untuk mengetahui perkara-perkara yang berhubungkait dengan fatwa, meninjau Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Perpustakaan Islam Brunei Darussalam.

Pada hari Sabtu 24 Safar, 1424 bersamaan 26 April, 2003 serombongan peserta Kursus / Bengkel Menghalusi Kefahaman Ajaran Agama Islam bagi Pentadbir dan Guru-Guru Sekolah Rendah dan Menengah, Kumpulan C telah melawat Darulifta Brunei Darussalam.

Sementara itu pada hari Khamis 19 Rabiulakhir, 1424 bersamaan 19 Jun, 2003 seramai lebih 50 orang ahli Jawatankuasa Takhir Masjid, belia, penduduk kampung dan jemaah Masjid Kampong Perpindahan Serasa, Muara juga mengunjungi Darulifta Brunei Darussalam.

Rombongan pelawat telah dialu-alukan oleh pegawai-pegawai Kanan Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Sebelum melawat balai pameran mereka diberikan taklimat mengenai pentadbiran dan proses pengeluaran fatwa dan irsyad hukum.



*Peserta kursus/bengkel menghalusi kefahaman ajaran agama Islam bagi pentadbir dan guru-guru sekolah rendah dan menengah, kumpulan C, telah diberikan taklimat mengenai dengan organisasi dan proses pengeluaran fatwa dan irsyad hukum oleh pegawai-pegawai Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.*



*Sebahagian pelawat yang terdiri daripada ahli Jawantankuasa Takmir Masjid, belia, penduduk kampung dan jamaah Masjid Kampong Perpindahan Serasa, Muara ketika mendengar taklimat mengenai institusi fatwa sebelum dibawa melawat pameran.*

## REBUTLAH PELUANG BERWAKAF

### *Pahalanya Bertiti Dan Berganda*

**J**abatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam menyediakan pakej wakaf buku-buku terbitannya, untuk diwakafkan ke perpustakaan masjid, institusi pengajian dan perpustakaan awam, dengan kadar harga serendah B\$40.00 setiap satu pakej.

Untuk keterangan lanjut, sila datang ke Darulifta Brunei Darussalam atau hubungi ke

Bahagian Penerbitan & Penerangan , Jabatan Mufti Kerajaan.

Tel. 2235121 /2224955 H/P: 8785535

# ATTENDING FUNCTIONS WHERE ALCOHOL IS SERVED

## QUESTION:

What is the ruling on someone who attends a farewell ceremony, knowing that alcohol will be served (to non-Muslims only)? Is this person considered a collaborator because he knew even before he attended the function? Is he obliged to avoid (refuse) attending the ceremony?

## Answer:

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى الٰهِ وَصَاحِبِهِ وَمَنْ يَعْهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلٰى يَوْمِ الدِّينِ ، وَبَعْدُ

Islam is a secure, peaceful and sensible religion which aims to make its followers secure, peaceful and sensible. Islam does not ever bring destruction, damage and misfortune, in fact, it is the reverse. It has five bases - preserving the religion itself, preserving the mind, the lineage, property, good name and preserving life.

The destruction of these five, which are obligatory to be preserved, can be caused by alcohol. Arising from insensibility due to drunkenness, everything is possible - violation of the sanctity of the religion, defamation of the lineage, destruction of property, good name and life. This is why it (alcohol) is called 'umm al-khabâ'ith' which means 'the mother of all filth and poison'.

In the book az-Zawâjir 'an Iqtirâf al-Kabâ'ir, written by Imam Ibn Hajar as-Shâfi'i, drinking alcohol, regardless (of quantity) whether a lot or a little, is the 371st to 382nd major sin.

The evidence that alcohol is *harâm* (unlawful) is conclusive in the Qur'an, the *ahâdîth* (traditions) and in the consensus (*ijmâ'*) among Muslim scholars:

### i. Evidences from the Qur'an:

Allah says:

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ  
فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْتَفِعٌ لِلنَّاسِ  
وَإِنَّهُمْ مَا أَكْبَرُ مِنْ نَقْعِدِهِمَا  
(سورة البقرة : ٢١٩)

**Translated:** "They ask you concerning wine and gambling. Say: "In them is great sin, and some utility, for men; but the sin is greater than their usefulness."

(Sûrah al-Baqarah: 219)

Allah says further:

بَأَيْمَانِهِ الَّذِينَ ظَاهَرُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ  
وَالْمَتَسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِنْ  
عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعْلَكُمْ  
تُفْلِحُونَ

(سورة المائدة : ٩٠)

**Translated:** "O you who believe! intoxicants and gambling, (dedication of) stones, and (divination by) arrows, are an abomination of Satan's handiwork; leave such (abomination), that you may prosper."

(Sûrah al-Mâ'idah: 90)

Allah says:

إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمْ  
الْعَدَاوَةُ وَالْبَغْضَاءُ فِي الْخَمْرِ  
وَالْمَتَسِرِ وَبَصَدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللّٰهِ وَعَنْ

آلِ الصَّلٰوةِ فَهٰلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ

(سورة المائدة : ٩١)

**Translated:** "Satan's plan is (but) to excite enmity and hatred between you, with intoxicants and gambling, and hinder you from the remembrance of Allah, and from prayer: will you not then abstain?"

(Sûrah al-Mâ'idah: 91)

### ii. Evidences from the *hadîth*

A *hadîth* narrated by al-Bukhari and Muslim, Abu Daud, at-Tirmidzi and Nasâ'i says:

كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ  
(رواه البخاري ومسلم وأبي داود والترمذى  
والنسائى)

**Meaning:** "Everything that intoxicates is wine and everything that intoxicates is harâm."

*Hadîth* narrated by Abu Daud:

وَكُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ، وَكُلُّ خَمْرٍ حَرَامٌ  
(رواه أبي داود)

**Meaning:** "Everything that intoxicates is wine and every (kind of) wine is harâm."

*Hadîth* narrated by Ahmad and Abu Ya'la which means:

"Let it be known that everything that intoxicates is wine and every (kind of) wine is harâm."

The above are the Qur'anic verses and some *ahâdîth* which state the ruling on alcohol -- which is that it is *harâm*.

Then, there are twelve implications in the rule against alcohol as mentioned in az-Zawâjir. They are: Drinking it, pressing it, requesting it be pressed, carrying it, requesting it be carried, serving it, requesting it be consumed, selling it, buying it, requesting it be bought and sold, utilising the money from

(To page 21)

# Matanya Buta Kerana Takut Kepada Allah

(Dipetik dan disusun oleh Haji Abu Qasim bin Haji Ismail)

**R**ASA takutnya kepada Allah membuatkan dia menangis setiap kali membaca al-Qur'an dan mendirikan solat. Di mana saja dia sujud menyembah Allah *Subhanahu wata'ala* sudah pasti tempat itu akan basah dengan air matanya. Tangisannya menjadi-jadi apabila dia menyendiri memikirkan tentang Hari Kiamat, kesengsaraan di Padang Mahsyar, menunggu Hisab dan sebagainya. Akhirnya kedua-dua matanya menjadi buta disebabkan banyak menangis dan mengeluarkan air mata.

Begitulah Syeikh Muhammad al-Munqadir, seorang lagi nama *waliyullah* yang terkenal kehidupan membujangnya yang sangat lama disebabkan kemiskinan serta tidak memiliki harta untuk membayar *mahar* perkahwinan. Dia hanya memiliki pakaian yang dipakai di badannya saja dan tempat tidur yang usang. Dia redha bahawa kehidupan yang dilaluinya itu adalah satu ujian daripada Allah *Subhanahu wata'ala* untuk menguji sejauh mana keimanan makhluk kepada Khaliqnya.

Dia bersyukur kepada Allah kerana dianugerahkan tubuh badan dan kesihatan yang mengizin dan membolehkannya terus-menerus beribadat dan bermunajat kepada Allah *Subhanahu wata'ala*.

Syeikh Muhammad al-Munqadir mempunyai hubungan nasab secara terus dengan Sayyidina Abu Bakar ash-Shiddiq - khalifah Islam yang pertama. Hubungan nasab keduanya bertemu pada salasilah datuk mereka yang bernama Sa'ad bin Tamim.

Pada suatu hari disebabkan desakan hidup, Muhammad al-Munqadir yang kelaparan datang ke rumah Sayyidina Aisyah binti Abu Bakar dengan harapan Sayyidatina Aisyah dapat memberikannya sedikit makanan untuk menutupi keperitan hidup.

Setelah dia mengutarakan penderitaannya, Aisyah memberitahu bahawa pada masa itu beliau juga tidak mempunyai makanan dan

harta, sebaliknya menyuruh Muhammad pulang saja seraya berkata:

"Wahai Muhammad, aku pun hidup di dalam keadaan serba kekurangan, andaikata aku mempunyai wang 10,000 dinar sekarang nescaya akan ku berikan kepadamu."

Sebaik saja Muhammad al-Munqadir pergi, dengan takdir Allah *Subhanahu wata'ala* pada hari itu juga, tiba-tiba khalifah Muawiyah bin Abu Sufyan mengirim hadiah wang 10,000 dinar kepada Sayyidatina Aisyah. Hal ini membuatkan hati Sayyidatina Aishah merasa takjub dan berkata pada dirinya sendiri: "Alhamdulillah, alangkah cepatnya apa yang aku angan-angankan sudah dimakbulkan Allah."

Sayyidatina Aisyah *Radhiyallahu 'anha* segera mengutus seorang hamba mencari Muhammad al-Munqadir untuk diberikan wang 10,000 dinar sebagaimana yang dijanjikan. Alangkah gembiranya Syeikh Muhammad al-Munqadir mendapat wang yang sebanyak itu dan dengan wang itu juga digunakan untuk mengahwini seorang hamba wanita yang telah dibelinya. Maka berakhirlah kehidupan zaman bujangnya yang sangat lama itu dengan menempuh hidup baru, sehingga Allah mengurniakan kepadanya tiga orang anak lelaki. Ketiga-tiga anak beliau diberi nama Muhammad, Abu Bakar dan Umar sempena mengambil keberkatan nama Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* dan dua orang sahabat Baginda.

Pada suatu malam, Muhammad mengurungkan dirinya di dalam bilik bersendirian untuk beribadat. Setelah beberapa lama, terdengar suaranya menangis dan meraung sangat kuat sehingga keluarganya merasa cemas. Mereka bertanya kepadanya mengapa dia menangis, tetapi tidak ada jawapan, malah tangisannya bertambah kuat sehingga mereka menyangka dia sedang mendapat suatu musibah. Akhirnya mereka memanggil seorang sahabat yang bernama

Abu Hazim.

Setelah mendapat keizinan, maka Abu Hazim pun masuk dan bertanya:

"Wahai Muhammad, apa yang menyebabkan kamu menangis?"

Beliau menjawab: "Aku menangis kerana merasa takut setelah membaca ayat al-Qur'an yang berbunyi:

وَيَدَا لَهُمْ مِنْ أَلَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا بِخَسِيبٍ

(Surah az-Zumar: 47)

**Tafsirnya:** "Dan telah jelas nyata kepada mereka daripada Allah azab (hukum), yang mereka tidak pernah fikirkan."

(Surah az-Zumar:47)

Mendengar hal itu Abu Hazim ikut menangis bersamanya sehingga mereka yang menunggu di luar menegur Abu Hazim mengapa pula dia yang menangis, padahal dia dipanggil untuk mententeramkan hati Muhammad al-Munqadir. Abu Hazim memberitahu mereka tentang sesuatu yang menyebabkan mereka menangis.

Rumahnya sentiasa dinaungi ketakwaan dan disinari cahaya al-Qur'an. Di situah tiga orang anak Muhammad al-Munqadir membesar dan berkembang dengan ilmu pengetahuan. Mereka pun seperti bapanya juga, baik dari segi keimanan, tingkah laku mahupun ketakwaan mereka kepada Allah, sehingga rumah mereka benar-benar menjadi tempat ahli ibadat.

Muhammad al-Munqadir sering berpesan kepada anak-anaknya: "Sesungguhnya Allah selalu menjaga rumah orang mukmin dan seluruh isi di dalamnya serta rumah yang ada di sekitarnya (jirannya). Mereka semua sentiasa dalam lindungan Allah selagi mereka beriman denganNya."

Salah seorang anaknya yang bernama Umar Muhammad al-Munqadir telah menjelaki langkah beliau. Dia tidak pernah tidur pada waktu malam serta banyak

menangis kerana takut kepada Allah. Ibunya merasa cemas dan meminta bantuan anaknya yang lain yang bernama Muhammad Muhammad al-Munqadir.

Ibunya berkata: "Wahai Muhammad, sesungguhnya aku sangat kasihan kepada Umar, jika dapat engkau nasihatinya dalam hal kesihatannya, semoga dia kasihan pada dirinya sendiri."

Maka Muhammad berbicara empat mata dengan Umar dan berkata: "Sesungguhnya apa yang kamu lakukan itu membuatkan kami sedih kerana memikirkan keadaanmu."

Kata Umar: "Wahai Muhammad, sesungguhnya apabila malam menjelma aku merasa takut, kerana itu aku membaca al-Qur'an, yang mana kenikmatan membacanya tidak dapat dibandingkan dengan dunia serta seluruh isinya. Aku menangis, kerana aku sangat takut kiranya Allah tidak menerima amalanku. Aku pernah mendengar sebuah hadis Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* yang bermaksud: "Sesungguhnya ada seorang hamba yang selalu mengerjakan amalan ahli syurga sehingga jarak antara dia dan syurga hanya tinggal satu *dzira'* (lengan) saja, kerana takdir telah mencatat dia sebagai ahli neraka, maka tiba-tiba dia melakukan satu amalan ahli neraka yang

akhirnya dia masuk neraka."

Berkata Muhammad: 'Wahai Umar, tidakkah kamu tahu bahawa ayah kita juga sering menangis kerana takut kepada Allah hingga kedua matanya buta?"

Umar menjawab: "Wahai Muhammad, apapun terjadi sesungguhnya aku akan menghabiskan hidupku hanya untuk beribadat kepada Allah dan mengabdikan kepadaNya. Para *tâbi'în* dan orang-orang yang hampir dengan Allah pernah berkata: "Di antara tanda-tanda diterimanya suatu amalan itu ialah bila air matamu keluar sedangkan engkau tidak menyedarinya. Dan tidak ada yang selamat daripada azab Allah kecuali orang-orang yang banyak menangis keranaNya."

Menjelang hari kematianya, wajah Muhammad al-Munqadir tampak gelisah. Ketika ditanya: "Mengapa kamu kelihatan gelisah?"

Sekali lagi jawapannya tetap sama: "Aku takut pada ayat al-Qur'an yang berbunyi:

وَيَدَا لَهُمْ مِنْ أَلَّهِ مَا لَمْ يَكُونُوا يَخْسِبُونَ

(Surah al-Zumar: 47)

**Tafsirnya:** "Dan telah jelas nyata kepada mereka daripada Allah, azab (hukum)

yang mereka tidak pernah fikirkan."

(Surah az-Zumar:47)

Sambungnya lagi: "Aku takut seksaan Allah yang tidak pernah aku perkirakan sebelumnya."

Bila ajal beliau sudah hampir Muhammad al-Munqadir kelihatan tenang sehingga sahabatnya telah melihat wajah Muhammad ketika itu bersinar seperti bulan purnama. Muhammad al-Munqadir sempat berkata pada hadirin dengan suara yang tersekat-sekat: "Andai kata kamu dapat melihat tempatku seperti mana yang aku lihat sekarang, nescaya kamu akan senang dan tersenyum." Kemudian dia pun menghembuskan nafasnya yang terakhir pada tahun 131 hijrah.

Demikianlah kehidupan Syeikh Muhammad al-Munqadir dan anak-anaknya. Satu keluarga mukmin yang selalu mengingati Allah pada setiap saat. Semoga keluarga Muhammad termasuk keluarga yang bahagia pada Hari Akhirat dan termasuk keluarga yang dinaungi Allah pada hari di mana tiada naungan kecuali naunganNya. Amin

Dipetik daripada kitab *Hayâtu Shâlihin* karangan Syeikh Abdul Mun'im Qindil

#### (From page 19)

it, storing it, and owning it.

A clearer textual ruling (*nash*) is found in the *hadith* narrated by Abu Daud which means:

"Allah has cursed wine, drinkers of wine and those who transport wine, buyers of wine, sellers of wine, makers of wine, those who request that wine be made for them, those who carry wine and those to whom wine is carried."

The narration of Ibn Majah added:

وَأَكْلُ ثَمَنَهَا

(Rوأه ابن ماجه)

**Meaning:** "Also included in those whom Allah curses are those who utilise the money from wine."

The meaning of curse is to be rejected

and removed from the blessings of Allah.

From the analogy in the above *hadith*, it is clear that there is no room or possibility of relaxing the rule on alcohol. This therefore includes sitting down and attending functions in which alcohol is served. The two narration below (further prove this point). The first narration, from Imam Tabarani is on a *hadith* which states:

"Those who believe in Allah and the Day of Judgement, should not drink wine, and those who believe in Allah and the Day of Judgement, should not be present at a feast where wine is consumed."

Another *hadith* narrated by Ahmad reads:

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ، فَلَا

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ، فَلَا يَقْعُدُ عَلَى مَائِدَةِ يُدَارُ عَلَيْهَا بِالْحَمْرَ

(رواه أحمد)

**Meaning:** "Those who believe in Allah and the Day of Judgement, should not sit at the table or feast where wine is served."

The ruling from both *ahâdîth* clearly prohibit or forbid Muslims from attending and sitting at functions in which alcohol is served, if they are truly those who believe in Allah and the Day of Judgement. To deliberately attend such functions, knowing that alcohol will be served, is even more serious.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

Extracted from Fatwa of the State Mufti 1994-1995

# YANG DIBERI ITULAH MILIK SEBENAR

Oleh: Haji Mohd. Nur Lubis Bin Haji Abd Razak

**S**uka memberi adalah salah satu akhlak Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*. Oleh kerana suka, sentiasa dan bersegeranya Baginda memberi, perbuatan Baginda itu digambarkan oleh sahabat seperti "lebih cepat daripada angin bertiup".

Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* berkata: "Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* adalah orang yang paling pemurah dengan kebijakan dan yang paling pemurah lagi pada bulan Ramadhan. Dan apabila bertemu dengan Jibril Baginda terlebih pemurah lagi dengan kebijakan berbanding angin yang bertiup."

(*Asy-Syifa*, 1:112)

Pengertian memberi ialah memindahkan sesuatu kepada orang lain, atau hak pemilikan sesuatu kepada hak milik orang lain. Sesuatu itu boleh bermakna material seperti mata wang, barang, kitab-kitab dan sebagainya. Ia boleh juga bermakna spiritual seperti nasihat dan ilmu. Memberi pula boleh bermakna derma (sedekah sunat) atau hadiah (penghargaan) dan sedekah wajib (zakat).

Zahir pengertian ini seakan-akan sesuatu yang dimiliki akan berkurang jika diberikan kepada orang lain. Jika yang dimiliki mata wang \$10.00 (sepuluh ringgit) diberikan \$7.00 (tujuh ringgit) kepada orang lain, seakan-akan sudah berkurang lebih separuh dan yang tinggal hanya \$3.00 (tiga ringgit) saja. Tujuh ringgit telah lepas dan menjadi hak milik orang lain.

Itulah zahir yang berlaku. Tetapi Islam

menyebutkan bahawa yang berlaku adalah sebaliknya, dan kerana itulah "suka memberi" menjadi salah satu akhlak Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

Dalam ajaran Islam yang dibawa Baginda *Sallallahu 'alaihi wasallam*, apa yang diberi atau dipindahkan pemilikannya kepada orang lain, ia akan bertambah dan akan kekal sebagai hak milik yang abadi sesuai dengan cara ia diberikan dan mengikut kehendak Islam, seperti iklas, tidak mengungkit dan sebagainya.

Bandingan pertambahan itu ialah seperti satu biji benih yang ditanam akan menumbuhkan tujuh tangkai dan setiap tangkai pula mengandungi seratus biji. Bahkan akan digandakan lagi oleh Allah Ta'ala kepada orang-orang yang suka memberi yang dikehendakiNya.

FirmanNya:

مَثُلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثُلَ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَبَاعِيلَ فِي كُلِّ سُبْلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ

(*Al-Baqarah*: 261)

Tafsirnya: "Perumpamaan orang-orang yang memberikan hartanya kepada jalan Allah adalah seperti satu biji yang menumbuhkan tujuh tangkai dan setiap tangkai mengandungi seratus biji. Dan Allah akan menggandakan lagi kepada orang-orang yang dikehendakiNya".

(*Surah al-Baqarah*: 261)

Sifat suka memberi dan sangat bersegera melakukannya, menjadi salah satu akhlak Baginda. Selain ganjaran yang disebutkan, Baginda mengetahui bahawa apa yang diberikan walaupun pada zahirnya bertukar hak milik dan terlepas daripada tangan kepada orang lain, namun apa yang diberikan itulah sebenarnya yang kekal dan yang tinggal sebagai hak milik yang abadi dan sebagai saham yang berkekalan lagi berganda, serta itulah yang menanti di akhirat. Manakala apa yang tidak diberikan itu pula hanya akan tinggal dan terbuang di dunia.

Inilah gambaran dan maksud hadis berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: مَا بَقَى مِنْهَا فَقَالَتْ: مَا بَقَى إِلَّا كَتَفْهَا قَالَ: بَقَى كُلُّهَا غَيْرَ كَتَفْهَا.


(Rواه الترمذى)

Maksudnya: "Dari padah 'Aisyah Radhiallahu 'anha: Bahawa mereka menyembelih seekor kambing, kemudian Nabi *Sallallahu 'alaihi wasallam* bertanya: "Masih adakah bakinya (yakni yang tidak disedekahkan)?". 'Aisyah Radhiallahu 'anha menjawab: "Tidak ada lagi bakinya melainkan tulang belikatnya". Lalu Baginda bersabda: "(Sebenarnya) semuanya (yang disedekahkan) adalah bakinya, melainkan tulang belikatnya (yang tidak disedekahkan)".

(Hadis riwayat at-Tirmidzi)

وَاللَّهُ أَعْلَمُ

# DAPATKAN TERBITAN TERBARU PERCUMA



*Dengan  
Setiap Belian*



**I Set**  
**IRSYAD HUKUM**  
**1995-2000**  
**\$ 65.00 (Harga Asal \$ 75.00)**



**FATWA MUFTI KERAJAAN**  
**1994-2000 (kecuali 1996)**  
**\$ 61.00 (Harga Asal \$ 69.00)**

Untuk keterangan lanjut sila datang ke DARULIFTA BRUNEI DARUSSALAM  
Atau Hubungi Ke BAHAGIAN PENERBITAN & PENERANGAN  
Tel: 2235121, 2224955 H/P: 8785535



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengepalai perarakan mengelilingi ibu negara. Berangkat sama ialah anakanda dan adinda baginda.

#### (Dari muka 1)

gelapnya semula. Ia seakan-akan sudah dilupakan, sekalipun masih banyak mulut-mulut yang sedang memujanya, namun kenyataan yang berlaku adalah menghampaskan. Baginda bertitah demikian sempena Menyambut dan Memperingati Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* bagi tahun 1424/2003 pada 12 Rabiulawwal, 1424 bersamaan 13 Mei, 2003 yang disiarkan ke seluruh negara melalui Radio dan Televisyen Brunei.

Seterusnya baginda bertitah: "Di mananya sahaja sedang berlangsung bermacam-macam kezaliman. Jika zaman sebelum Baginda Rasulullah *Sallallahu 'alaihi wasallam* terdapat ibu bapa yang menguburkan anak-anak perempuan mereka hidup-hidup, tetapi sekarang kita berhadapan dengan sumbang *mahram* yang lebih keji dan kejam, di samping perbuatan mendera kanak-kanak damit yang tidak berdosa."

Sehubungan dengan gejala-gejala tersebut, baginda menyeru umat Islam, rakyat dan penduduk negara ini supaya sama-sama mengambil iktibar daripada fenomena-fenomena yang ada itu, semoga negara kita akan sentiasa diberkati dan terhindar daripada perkara-perkara yang dibenci oleh Allah seperti kezaliman, jenayah dan kerosakan akhlak.

Kita mesti bersyukur, titah baginda lagi, kerana dapat menjaga hubungan kita dengan Allah dengan cara yang sebaik-baiknya. Kita tidak sekali-kali lupa,

apabila wujud saat-saat menakutkan yang di luar daripada kawalan manusia, kita akan cepat-cepat *bertagarrub* dengan Allah, kita sembahyang Hajat dan membaca doa serta bersedakah.

Menurut baginda, itulah cara kita. Salah satu daripada sekian banyak contoh ialah wabak SARS yang sangat menakutkan itu, telah menambahkan lagi keinsafan kita bahawa manusia sebenarnya tidak mempunyai apa-apa di hadapan Allah, jika dibanding dengan ilmu dan kekuasaanNya. Kerana itulah salah satu usaha kita menepis SARS ialah dengan doa dan sembahyang hajat di masjid-masjid.

Sementara itu pada sebelah pagi, hari Rabu, 12 Rabiulawwal, 1424 bersamaan 14 Mei, 2003, Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berangkat menyertai Majlis Perhimpunan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam* di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien yang diikuti dengan perarakan mengelilingi ibu negara sejauh 4.3 kilometer.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah

Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiyah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen juga berangkat sama ke majlis berkenaan.

Sejurus keberangkatan tiba baginda dan ahli-ahli kerabat diraja, majlis dimulakan dengan bacaan Surah al-Fatiyah oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Mufti Kerajaan.

Sebagaimana lazimnya dalam sambutan-sambutan sebelum ini dan sentiasa dinantikan oleh para peserta, baginda berkenan bercemar duli bersalam-salam dengan ketua-ketua pasukan dan sebahagian peserta perhimpunan dan perarakan sambil beramah mesra bersama mereka.

Dikir Marhaban telah dibawakan oleh pasukan Dikir Jabatan Perdana Menteri. Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sebelum perarakan dimulakan yang dikepalai oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri, selawat dibacakan sebanyak tiga kali diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.



Sebahagian daripada peserta yang mengambil bahagian di Majlis Perhimpunan dan Perarakan sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad *Sallallahu 'alaihi wasallam*.

**Diterbitkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri**

Darulifta' Brunei Darussalam, Spg. 26, Jalan Pengiran Babu Raja, Bandar Seri Begawan BA2112, Negara Brunei Darussalam  
Telefon: 2235121, 2224955 Fax: 2235120

Website: [www.brunet.bn/gov/mufti](http://www.brunet.bn/gov/mufti) E-mail: [mufti@brunet.bn](mailto:mufti@brunet.bn) dan [fatwa@brunet.bn](mailto:fatwa@brunet.bn)